

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Raime bin Unggi**  
**[ Tenom ]**

**TARIKH : 30.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah cadangan pihak Kementerian untuk memindahkan sekolah-sekolah yang sering dilanda banjir bagi Parlimen P.181 Tenom seperti SK. Enubai, SK. Gumisi dan SK. Kalang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meneliti situasi keselamatan semasa bagi setiap sekolah yang berisiko tinggi dilanda banjir. Langkah jangka panjang telah dirangka secara berperingkat-peringkat berdasarkan kemampuan kewangan negara. Dalam hal ini, buat masa ini KPM masih mengekalkan sekolah berkenaan walaupun didapati terlibat dengan banjir terutama pada musim tengkujuh. Namun, Kementerian sentiasa memberi bantuan daripada aspek infrastruktur seperti kerja-kerja pembaikan, ubahsuai dan naik taraf.